

## **ANALISIS KUALITATIF PEMBINGKAIAN AKHBAR THE STAR DAN UTUSAN MALAYSIA MENGENAI KNTROVERSI MAJLIS “THANKSGIVING” DI DUMC**

**MUHAMMAD RAQIB MOHD SOFIAN & ADNAN HUSSEIN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

### **Abstrak**

Kajian ini meneliti dan membandingkan bagaimana dua akhbar arus perdana berlainan bahasa di Malaysia, The Star dan Utusan Malaysia melaporkan isu konflik agama yang mencetuskan kontroversi berkaitan akidah dan kepercayaan umat Islam dalam satu majlis Thanksgiving yang melibatkan pelbagai kaum di Damansara Utama Methodist Church (DUMC). Majlis ini dianjurkan oleh organisasi Komuniti Harapan pada 3 Ogos, 2011. Tindakan diambil oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang menjalankan operasi pada majlis Thanksgiving itu menarik perhatian besar pihak media khususnya akhbar The Star dan Utusan Malaysia. Isu ini dianggap sebagai sebuah kes yang kontroversi untuk dikaji dan dibandingkan bagaimana media utama tempatan dan berlainan bahasa menonjolkan seterusnya membingkaikan isu konflik ini. The Star dan Utusan Malaysia dianalisis dengan objektif untuk menentukan pembingkaian berita (news frame) yang digunakan oleh kedua-dua akhbar dalam melaporkan mengenai isu ini seperti yang diperkenalkan oleh sarjana Robert Entman pada 1993. Dapatkan kajian mendapati kedua-dua akhbar membingkai isu ini dengan memberi penekanan kepada isu konflik politik yang berlaku dalam parti gabungan Pakatan Rakyat (PR) terutamanya parti Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam menangani isu ini. Selain bingkai konflik politik, kedua-dua akhbar menunjukkan perbezaan dalam membingkai isu ini. Akhbar The Star lebih membingkai isu ini dari sudut etika moral manakala akhbar Utusan Malaysia lebih membingkai isu ini dari sudut perlombagaan.

**Kata kunci:** *Pembingkaihan akhbar, DUMC, murtad, analisis perbandingan media, isu agama*

## A QUALITATIVE FRAMING ANALYSIS ON THE REPORTS OF THE CONTROVERSIAL THANKSGIVING DINNER IN DUMC BY THE STAR AND UTUSAN MALAYSIA NEWSPAPERS

### **Abstract**

The study was conducted to examine on the controversial religious issues reported by The Star and Utusan Malaysia. The aim of the study was also to compare the reports between the two newspapers. The religious issue related to the study was the reporting of the raid conducted by the Enforcement Division, JAIS on a Multiracial Thanksgiving Dinner organized by the Harapan Komuniti at the Damansara Utama Methodist Church (DUMC) on the 3rd of August 2011. Thus, this study finds it interesting to examine the difference in the way that the issue was reported between the major printed media companies in the country. The objectives of this study are to determine the news frame used by both press in reporting this issue as has been introduced by Robert Entman in 1993. The results showed that both press had framed this issue by emphasizing on political conflicts in the coalition party (Pakatan Rakyat), especially on the approach that was taken by PAS in addressing the issue. These newspapers however, had shown differences in the framing of the issue with; The Star newspaper focusing on the moral ethics as its framing, while Utusan Malaysia had framed the issue from the perspective of the constitution.

**Keywords:** *Newspaper framing, apostasy, DUMC, media comparative analysis, religious issue*

### **PENGENALAN**

Media di Malaysia kini khususnya selepas tsunami politik yang berlaku pada 2008 begitu ghairah melaporkan mengenai isu-isu kontroversi yang melibatkan agama, bangsa dan politik yang nampaknya begitu mendapat perhatian masyarakat dan juga dijadikan agenda oleh parti-parti politik yang wujud di Malaysia.

Menurut Jha (2009), semasa zaman pemerintahan Tun Mahathir Mohamad, beliau cekap menggunakan agama untuk mengukuhkan kedudukannya dalam kerajaan dan memperkasakan pemerintahannya yang menghadapi perbezaan pendapat yang semakin meningkat daripada pemimpin-pemimpin parti politik. Perubahan institusi dan sistem yang dibawa oleh Mahathir pada awal tahun 1980-an diselia dengan baik namun selepas perletakkan jawatannya, agama menjadi satu subjek sebagai senjata politik dan pilihan raya.

Maka tidak hairanlah begitu banyak kontroversi yang berlaku sejak akhir-akhir ini seperti pertempuran Kampung Medan, protes kepala lembu di Shah Alam, perdebatan mengenai Biro Tata Negara (BTN), pertikaian mengenai penggunaan kalimah ‘Allah’ dalam penerbitan penganut agama Kristian, lagu ‘Negarakuku’ ciptaan Namawee yang dikatakan menghina sebilangan masyarakat Malaysia, kontroversi mengenai penggunaan buku teks pendidikan tinggi dalam subjek Hubungan Etnik, insiden penghunusan keris oleh seorang Menteri yang juga salah seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO, kontroversi mengenai isu Suqiu di mana pembahagian modal ekuiti oleh kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza, serangan ke atas gereja, kontroversi penukaran agama oleh Lina Joy dan lain-lain lagi (Yong dan Md Sidin, 2010; Carmen Nge, 2012).

Menurut Abdul Nafi (2006), akhbar dikatakan boleh mempengaruhi pendedahan dan intepretasi mesej dalam kalangan khalayak apabila terdapat beberapa elemen dalam akhbar seperti tajuk utama yang ditonjolkan, berita berkenaan isu yang berlaku, pendapat dalam bahagian lidah pengarang atau gambar yang diletakkan pada akhbar itu sendiri. Setiap elemen dalam akhbar itu memiliki kesan emosi dan rasional untuk mempengaruhi pendedahan maklumat dan tindak balas pembaca. Maklumat yang dibekalkan oleh akhbar tempatan sangat mempengaruhi keseimbangan liputan berita, meskipun terdapat pelbagai akhbar tempatan daripada pelbagai terbitan. Namun, setiap dari akhbar itu membuat paparan berita yang pelbagai dan berbeza-beza setiap hari (Adinegoro, 1966 dalam Abdul Nafi, 2006:9).

Saran Kaur Gill, Yuen Chee Keong, Stef Bolte dan Saravanan Ramiah (2012) menyatakan media massa terutamanya akhbar-akhbar selalunya mempunyai akses yang sama dari segi fakta dan maklumat mengenai sesuatu isu tetapi mereka tetap memberi laporan yang berlainan memandangkan mereka juga mentafsir data yang diperoleh mengikut cara masing-masing. Apabila hanya beberapa aspek penting ditonjolkan dalam akhbar, pembaca mungkin mempunyai perspektif yang berat sebelah terhadap sesuatu pihak sahaja lalu menyebabkan para pembaca mempunyai interpretasi serta membuat kesimpulan yang tidak menyeluruh.

## **TINJAUAN SASTERA**

Agama memainkan peranan yang penting dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan etnik dan kebanyakan rakyat Malaysia percaya kepada sesuatu yang maha kuasa. Islam adalah agama rasmi kepada negara ini tetapi amalan

agama lain juga turut dibenarkan untuk dipraktis sebagaimana perlembagaan telah menyatakan, setiap rakyat Malaysia berhak untuk mengamalkan amalan agamanya tetapi dilarang untuk menyebarluaskan ajaran agama lain kepada mereka yang Muslim dari segi undang-undang.

Malaysia sudah lama diiktiraf sebagai sebuah negara Islam dan telah lama mengamalkan prinsip-prinsip dan ajaran Islam dalam pentadbirannya. Oleh itu, murtad atau keluar dari Islam adalah salah satu ciri “jenayah” dalam perspektif Islam yang sangat sensitif di Malaysia lebih-lebih lagi apabila melibatkan pelbagai kaum di Malaysia ini.

Maka, tidak hairanlah isu kontroversi operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini mendapat liputan yang begitu meluas oleh pihak media apabila dikatakan terdapat 12 orang Muslim cuba dimurtadkan pada majlis tersebut. Kejadian yang berlaku pada bulan Ramadhan, 3 Ogos 2011 telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam media arus perdana apabila dilaporkan pihak JAIS bersama sepasukan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan pemeriksaan ke atas sebuah gereja di Damansara Utama atas maklumat yang diterima (Utusan Malaysia, 5 Ogos 2011).

Pemeriksaan dibuat berdasarkan maklumat awam yang mendakwa perlakunya jemputan beberapa orang Islam ke Majlis Berbuka Puasa yang dinamakan Thanksgiving Dinner Program Itenary dan tindakan diambil berdasarkan Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1955 iaitu menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Siasatan juga dibuat mengikut Enakmen agama bukan Islam (Kawalan Perkembangan di kalangan orang Islam) Negeri Selangor tahun 1988. Program ini disyaki bertujuan untuk menyambut penganut beragama Islam berbuka puasa dan meraikan Thanksgiving. Operasi ini disertai oleh 13 Pegawai Penguatkuasa Agama JAIS dan dibantu oleh sepasukan anggota dari PDRM seramai 20 orang daripada Ibu Pejabat Daerah Petaling Jaya dan Sea Park.

Terdapat beberapa isu yang timbul dalam kes pemeriksaan JAIS terhadap Gereja DUMC ini apabila jemputan yang hadir dalam majlis itu adalah jemputan secara tertutup dan bukan secara terbuka untuk semua. Hanya mereka yang terpilih sahaja dijemput untuk menghadiri majlis makan tersebut.

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan dua perkara iaitu hak kebebasan beragama bagi setiap warganegaranya dan kedua perlindungan kepada agama Islam daripada sebarang pengaruh agama lain atau doktorin lain (Johana Mohd Taib, Amir Husin, Muhammad Nazir dan Amir Fazlim, 2010:96). Perkara 11 (1) menyatakan:

*“Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada fasa (4), mengembangkan agamanya.”*

Perkara 11 (4) pula menyatakan:

*“Undang-undang negeri dan mengenai Wilayah – wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang*

*Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganut agama Islam.”*

Dalam pada itu, berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji, analisis pembingkaian media mengenai isu kontroversi yang melibatkan etnik, bangsa, moral dan agama di negara ini masih kurang dilakukan oleh para penyelidik tempatan. Malah analisis pembingkaian teks seperti yang diperkenalkan oleh Robert Entman (1993) juga masih sedikit diaplikasikan oleh penyelidik-penyelidik tempatan dalam kajian mereka. Menurut Mohd Hilmi (2012), kebanyakan kajian mengenai liputan media di Malaysia lebih banyak tertumpu mengenai isu politik dan pilihanraya.

Terdapat beberapa kajian telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik tempatan mengenai liputan media yang berkaitan dengan isu kontroversi agama atau etnik dan bangsa yang berlaku di negara Malaysia. Antaranya Halimahton, Hua dan Raman (2006), Dafrizal, Fauziah Ahmad dan Faridah Ibrahim (2011), Yong dan Md Sidin (2010), Yang dan Md Sidin (2011) dan Yang dan Md Sidin (2012).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Halimahton dan rakan-rakan (2006), mereka mengkaji mengenai liputan media kes mayat M. Moorthy dan Nyonya Tahir di mana kedua-duanya ada kaitan dengan masalah untuk menempatkan mayat mereka. Dalam kes Moorthy, terdapat masalah apabila Moorthy dikatakan telah menganuti agama Islam secara senyap tanpa pengetahuan ahli keluarganya sebelum kematian beliau manakala Nyoya Tahir yang dilahirkan sebagai Muslim tetapi mengamalkan ajaran Buddha sepanjang hidupnya dan mayatnya telah ditempatkan di kawasan tanah perkuburan Buddha.

Menurut Halimahton dan rakan-rakan (2006), dapatan kajian menunjukkan bagi kes Moorthy, nampaknya akhbar Malaysia Nanban dan Utusan Malaysia memberikan keutamaan dan penonjolan dalam melaporkan mengenai kes ini. Dapatkan kajian ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana kedua-dua akhbar dikatakan memberikan keutamaan dalam melaporkan mengenai isu yang melibatkan etnik dan bangsa mereka sahaja memandangkan Moorthy yang berbangsa India.

Dalam kes Nyonya Tahir pula, kebanyakan berita artikel yang diterbitkan adalah dari akhbar Sin Chew Daily diikuti New Strait Times, Utusan Malaysia dan Malaysia Nanban. Dapatkan ini dengan jelas menunjukkan bahawa akhbar berbahasa Cina ini memberi keutamaan kepada kes ini yang melibatkan seorang yang berbangsa Cina manakala akhbar Malaya Nanban kurang memberi perhatian kepada kes ini memandangkan ia tidak melibatkan bangsa yang mereka perjuangkan. Sesuatu yang mengejutkan di sini adalah akhbar Utusan Malaysia tidak memberi penekanan yang mendalam mengenai isu ini walaupun melibatkan penukaran agama dari Islam ke Buddha.

Yang dan Md Sidin (2011) juga telah menjalankan sebuah lagi kajian yang turut mendapat perhatian negara iaitu mengenai liputan media terhadap kes penukaran agama Lina Joy, seorang Muslim yang bertindak keluar dari Islam

dan ingin menukar nama dalam kad pengenalannya. Antara akhbar yang dikaji ialah Sin Chew Daily, The Star, Utusan Malaysia dan Malaysiakini.

Dalam kajian ini, mereka menggunakan konsep pembingkaian kuantitatif dan diubah suai dari kaedah yang diperkenalkan Semetko dan Valkenburg (2000). Dari segi pembingkaian, akhbar Utusan Malaysia menggunakan bingkai ‘konflik’ dan ‘kesan-kesan’ dengan seimbang. Contoh bagi bingkai ‘konflik’, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Badawi dilaporkan meminta orang ramai untuk menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dengan hati terbuka dan juga menerima keputusan dan mengiktiraf keputusan Mahkamah Syariah. Contoh bagi bingkai ‘kesan-kesan’ pula, Utusan Malaysia melaporkan majoriti keputusan Mahkamah Persekutuan untuk menghalang permohonan Lina Joy untuk membuang nama Islam dari kad pengenalannya. Utusan Malaysia juga banyak menggunakan bingkai ‘moral’ dan ‘tanggungjawab’ dalam pelaporannya.

Dalam pada itu, akhbar The Star paling banyak menggunakan bingkai ‘konflik’ dalam pelaporannya. Contohnya, dilaporkan bahawa Setiausaha Agung Majlis Gereja-gereja Malaysia, Rev. Herman Shastri menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dengan penuh kebimbangan dan kekesalan. Beliau menyatakan juga peruntukan dalam perlembagaan yang membenarkan untuk bebas beragama telah dihalang. Akhbar The Star juga menggunakan bingkai ‘tanggungjawab’ dan ‘kesan-kesan’ dengan seimbang. Melalui bingkai “tanggungjawab” pula, The Star sering menunjukkan tanggungjawab untuk menyelesaikan konflik ini kepada pihak kerajaan. Bingkai ‘kemanusiaan’ digunakan paling sedikit dalam akhbar The Star dalam melaporkan mengenai kes ini.

Yong dan Md Sidin (2012) sekali lagi telah melakukan kajian mengenai liputan media terhadap Hindu Right’s Action Force (Hindraf) yang melakukan demonstrasi jalanan menuntut hak mereka yang didakwa mereka sering kali diabaikan dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu kaedah kuantitatif yang diadaptasi dari Semetko dan Valkenburg (2000).

Dari segi pembingkaian berita, Yong dan Md Sidin (2012) mendapati bingkai yang paling banyak digunakan oleh kesemua akhbar adalah yang berbentuk ‘konflik’. Antara contoh laporan yang berbentuk konflik adalah apabila Uthayakumar, seorang peguam yang mewakili Hindraf ini, menyatakan musuh mereka bukanlah orang Melayu tetapi parti United Malays National Organisation (UMNO) yang mengabaikan kebijakan orang India terutamanya.

Sesuatu yang perlu ditekankan juga dalam dapatan kajian ini adalah kesemua akhbar yang dikaji kecuali Utusan Malaysia melaporkan beberapa kritikan terhadap kerajaan dan parti MIC dalam bingkai konflik ini. Contohnya, Toh Kin Woon, pemimpin dari Gerakan menyatakan kerajaan perlu melakukan sesuatu untuk membaiki taraf hidup kaum India selain hanya mengutuk demonstrasi yang dilakukan oleh pihak Hindraf.

Karmini (2013) juga ada melakukan kajian liputan berita mengenai isu kontroversi moral melibatkan dua rakyat Malaysia berbangsa Cina, Alvin Tan dan Vivian Lee yang telah menyiarangkan gambar dan video bogel mereka di blog.

Perkara ini telah menyebabkan ramai pihak mengkritik tindakan yang dikatakan tidak bermoral itu. Dengan menggunakan konsep pembingkaian dan kaedah analisis kandungan sebagai panduan kajian, dua akhbar telah dikaji iaitu The Star dan Malaysiakini.

Dapatan kajian mendapati Malaysiakini kurang melaporkan mengenai isu ini berbanding akhbar The Star malah tidak memberi tugas kepada wartawannya dalam melaporkan mengenai isu dan hanya menggunakan sumber dari agensi berita. Akhbar The Star pula melaporkan isu ini dengan lebih memberikan keutamaan mengenai isu ini dengan menyiarkan lebih banyak artikel berita dan beberapa wartawan ditugaskan untuk melaporkan mengenai isu ini. The Star juga melaporkan isu ini dengan menampilkan sumber yang pelbagai dan bukan hanya berpihak kepada satu pihak sahaja.

Dalam pada itu, Dafrizal, Fauziah Ahmad dan Faridah Ibrahim (2011) juga telah mengkaji liputan media mengenai kontroversi karikatur Nabi Muhammad yang disiarkan oleh akhbar Denmark, Jyllands-Posten sebanyak dua belas karikatur kesemuanya. Ekoran dari peristiwa itu, seluruh dunia terutama dari negara-negara Muslim bangkit menyampaikan bantahan mereka dengan mengadakan demonstrasi dan sebagainya. Isu dan debat dilangsungkan dalam media massa dan oleh para pemimpin serta rakyat negara Islam dan termasuklah Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Kajian ini meninjau bagaimana dua akhbar aliran perdana di Malaysia iaitu Utusan Malaysia dan New Strait Times membungkai isu kontroversial mengenai karikatur Nabi Muhammad ini dengan menggunakan kaedah kualitatif seperti yang diperkenalkan oleh Entman (1993).

Dapatan kajian mereka mendapati kedua-dua akhbar membungkai isu ini dari sudut ‘kawalan akhbar’ dan ‘sensitiviti agama’. Isu ini dikatakan secara moralnya tidak bertanggungjawab kerana telah mencetuskan huru hara dan melanggar akta media yang sedia ada iaitu Akta Penerbitan dan Percetakan, 1984. Kajian ini juga mendapati antara langkah penyelesaian yang dicadangkan adalah mengadakan demonstrasi bantahan dan mengadakan dialog untuk memahami sensitiviti antara agama khususnya antara dunia Barat dan Islam. Selain itu, terdapat juga cadangan penyelesaian seperti menggantung permit penerbitan akhbar yang terlibat dan mengadakan siasatan yang mendalam terhadap akhbar-akhbar yang terlibat dalam menyiarkan karikatur Nabi Muhammad tersebut.

## KERANGKA TEORI

Dalam kajian ini, teori utama yang digunakan adalah teori pembingkaian dalam mengkaji pembingkaian akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai isu yang kontroversi ini. Pembingkaian adalah suatu komponen yang penting dalam kajian mengenai pemilihan dan interpretasi berita. Pembingkaian mempengaruhi bagaimana suatu cerita itu dipersembahkan dan seterusnya mempengaruhi persepsi khalayak dan konsep pembingkaian ini sebenarnya sungguh ‘berkuasa’ di mana ia sering tidak sedari proses pembingkaian ini sedang berlaku dan seterusnya mempengaruhi penilaian khalayak mengenai tanggungjawab dan

sebab-musabab (Bullock, Wyche dan Williams, 2001).

Proses pembingkaian ini sering dilakukan oleh pengampang (gatekeeper) yang bertanggungjawab untuk menentukan bentuk pemaparan sesebuah pemberitaan itu seterusnya menentukan agenda media kepada khalayak. Sedar atau tidak sedar, tugas pengampang ini menyebabkan media yang berlainan menonjolkan sisi atau aspek tertentu, melambakkkan maklumat atau meminimakan maklumat dalam pemberitaannya bahkan menutup sisi atau aspek tertentu daripada pandangan khalayak. Boleh dikatakan, tiada satupun media yang memiliki sikap berkecuali dan objektif yang nyata. Media tidak akan terlepas dari bersikap berat sebelah yang berkaitan ideologi, politik, ekonomi, sosial, budaya bahkan agama (Eriyanto, 2002).

Menurut Eriyanto (2002:69) lagi, ada dua aspek dalam pembingkaian iaitu yang pertama memilih fakta yang didasarkan kepada andaian kerana wartawan tidak mungkin melihat peristiwa tanpa perspektif. Dalam hal ini, sebuah peristiwa dilihat dari sudut tertentu. Oleh itu, pemahaman dan konstruksi mengenai sesuatu peristiwa boleh dipersembahkan secara berbeza antara satu media dengan media yang lain. Keduanya, dalam menulis fakta iaitu bagaimana fakta yang telah dipilih itu dipamerkan kepada khalayak melalui kata, perkataan, proposisi, foto, gambar serta menempatkannya di tajuk utama, halaman hadapan atau bahagian belakang.

Elemen penonjolan fakta ini berhubungan dengan penonjolan realiti akibatnya aspek tertentu yang ditonjolkan menjadi jelas, lebih mendapat ruang atau ruang dan perhatian yang besar berbanding aspek yang lain. Realiti yang disajikan secara menonjol, mempunyai kemungkinan lebih besar untuk diperhatikan dan mempengaruhi khalayak dalam memahami sesuatu realiti itu (Eriyanto, 2002:70).

Menurut Entman (1991), bingkai-bingkai terletak dalam sifat-sifat tertentu dalam penceritaan sesebuah berita yang menggalakkan khalayak untuk memikirkan kejadian yang dilaporkan seterusnya membina pemahaman tersendiri mengenai kejadian tersebut. Pembingkaian ini dibina dari penggunaan kata-kata kunci, metafora, konsep, simbol dan imej-imej visual yang mampu mendatangkan kesan dan pengaruh kepada sesebuah penceritaan.

Menurut Dafrizal dan rakan-rakan (2011), terdapat pelbagai definisi mengenai pembingkaian, namun pandangan yang paling diterima oleh semua sarjana adalah pandangan yang dikemukakan oleh Robert Entman (1993). Pembingkaian menurut Entman (1993:52) melibatkan pilihan dan penonjolan mengenai sesuatu perkara. Pembingkaian ialah:

*"to select some aspects of a perceived reality and make them more salient in a communicating text, in such a way as to promote a particular problem definition, causal interpretation, moral evaluation and or treatment recommendation for the item described."*

Dalam kajian pembingkaian ini, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif seperti yang diperkenal oleh Robert Entman (1993) yang mengandungi empat fungsi operasional dalam kajian analisis pembingkaian. Fungsi pembingkaian beliau adalah seperti jadual di bawah:

**Jadual 1: Fungsi pembingkaian Robert Entman (1993)**

Define problems (Pendefinisan masalah)	Bagaimana suatu peristiwa itu dilihat? Sebagai apa? Atau sebagai masalah apa?
Diagnose causes (Mengenal pasti masalah atau sumber masalah)	Peristiwa itu dilihat disebabkan oleh apa? Apa yang dianggap sebagai penyebab masalah? Siapakah aktor yang dianggap sebagai penyebab masalah?
Make moral judgment (membuat keputusan moral)	Nilai moral apa yang disajikan untuk menjelaskan masalah? Nilai moral apa yang dipakai untuk mengesahkan atau tidak mengesahkan suatu tindakan?
Treatment recommendation (saranan penyelesaian masalah)	Penyelesaian apa yang ditawarkan untuk mengatasi masalah/isu? Jalan apa yang ditawarkan dan harus ditempuh untuk mengatasi masalah?

Bagi kajian kualitatif ini, hanya jenis-jenis berita seperti editorial, kolumn, rencana dan surat pembaca dipilih untuk dikaji dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Hanya jenis-jenis berita seperti editorial, kolumn, rencana dan surat pembaca dipilih kerana jenis-jenis berita ini lebih terserlah bingkai-bingkai yang cuba ditonjolkan oleh kedua-dua akhbar memandangkan ia berbentuk perbincangan dan pendapat secara kritis berbanding berita-berita yang berbentuk berita langsung yang lebih menjurus kepada pemberitaan terus berdasarkan pelaporan kejadian dan dilaporkan dari sidang akhbar.

Menurut Riffey, Lacy dan Fico (2005), persampelan bertujuan sering digunakan untuk mengkaji penerbitan yang tertentu dalam masa yang tertentu kerana penerbitan-penerbitan tersebut begitu penting atau jangka masa penerbitan itu diterbitkan memainkan peranan yang penting dalam sejarah. Menurutnya lagi, akhbar yang berpengaruh dan mempunyai jumlah pembaca yang ramai sering kali dipilih untuk dikaji menggunakan kaedah ini.

Akhbar Utusan Malaysia dan The Star dipilih untuk dikaji kerana kedua-duanya adalah akhbar arus perdana yang mempunyai kumpulan sasarnya yang tersendiri. Seperti yang diketahui, Utusan Malaysia (akhbar berbahasa Melayu) mensasarkan kumpulan pembaca yang terdiri daripada kaum Melayu manakala The Star (akhbar berbahasa Inggeris) mensasarkan pembacanya yang terdiri daripada berbilang kaum dan kumpulan pertengahan.

Tempoh masa untuk kajian ini adalah dari 3 Ogos, 2011 (tarikh mula

pemeriksaan itu dibuat dan waktu paling hangat isu ini berlaku) sehingga 17 Oktober, 2011 (seminggu selepas titah Sultan Selangor mengenai isu ini) yang mengarahkan tiada tindakan diambil terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan isu ini kerana kurangnya bukti.

## ANALISIS KAJIAN

Setelah dikaji satu persatu artikel yang terkumpul, bolehlah dirumuskan bahawa akhbar The Star membingkai isu operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini dari dua aspek permasalahan iaitu dari segi nilai etika moral dan konflik politik dalaman yang melibatkan parti-parti komponen dalam PR. Kedua-dua aspek ini begitu jelas dibingkaikan oleh akhbar The Star dalam pelaporan mereka sepanjang isu ini berlangsung.

Dari aspek nilai etika, akhbar The Star menyatakan isu operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini sebagai satu tindakan yang melampau dan memalukan malah boleh mendatangkan ketidak harmonian dalam negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

*“No religious official anywhere should be so inflammatory, much less have the temerity to commit such an outrageous act. That goes double for a multi-racial, multi-cultural and multi-religious Malaysia in the 21st century” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Tiada mana-mana pegawai agama sepatutnya menjadi sangat melampau, apatah lagi mempunyai keberanian untuk melakukan perbuatan yang keterlaluan. Terutama bagi sebuah negara Malaysia yang berbilang kaum, pelbagai budaya dan pelbagai agama di abad ke-21” (The Star, 7 Ogos, 2011).

*“It is unprecedented. The operation by the Selangor state religious department (Jais) on the Damansara Utama Methodist Church on Wednesday is shameful and a blot on our history” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Ini belum pernah berlaku. Operasi (Pemeriksaan yang dilakukan) oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) ke atas Gereja Methodist Damansara Utama pada hari Rabu adalah memalukan dan suatu kesalahan yang merosakkan sejarah kita” (The Star, 7 Ogos, 2011).

Dari aspek politik pula, akhbar The Star menyatakan operasi di Gereja DUMC ini telah menyebabkan krisis politik antara parti dalam Pakatan Rakyat semakin meruncing terutamanya parti PAS yang menjadi fokus utama dan dijadikan sebagai “kambing hitam” dalam kes ini yang juga memaparkan kelemahan kerajaan negeri dalam menguruskan kes ini.

*“The Selangor Government has considerable explaining to do, besides expressing regret over the incident. Why is such zealotry*

*upheld by a Pakatan Rakyat state councillor, why is Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim so clueless, and why are his political allies so disunited in condemning the raid?” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Kerajaan Selangor mempunyai banyak penjelasan yang perlu dilakukan, di samping hanya melahirkan rasa kesal atas kejadian tersebut. Mengapa tindakan yang melampau ini disokong oleh ahli majlis negeri Pakatan Rakyat?, mengapa Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim begitu buntu dalam mengambil tindakan? dan mengapa sekutu politik beliau begitu berpecah-belah dalam mengutuk serangan tersebut?” (The Star, 7 Ogos, 2011).

*“However, recent events and more, especially PAS’, hesitant and divided response to the Selangor Islamic Department (Jais) raid on the DUMC church would suggest that the party is not ready for prime-time” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Bagaimanapun, peristiwa-peristiwa baru-baru ini dan banyak lagi, terutama berkaitan PAS, maklum balas yang teragak-agak dan berbelah bahagi terhadap serbuan pihak Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) ke atas gereja DUMC menunjukkan bahawa parti itu masih tidak bersedia untuk memegang tampuk pemerintahan buat masa ini” (The Star, 9 Ogos, 2011)

*“...the recent Jais raid on a function by the Damansara Utama Methodist Church (DUMC) raises significant questions over PAS’ – and by extension Pakatan Rakyat’s – commitment to pluralism” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Serbuan terbaru Jais terhadap majlis yang diadakan oleh Damansara Utama Methodist Church (DUMC) menimbulkan persoalan yang signifikan mengenai komitmen PAS dan Pakatan Rakyat terhadap pluralisme” (The Star, 9 Ogos, 2011).

Dari sudut penyebab utama masalah, dapatan kajian menunjukkan kes operasi di Gereja DUMC ini berlaku disebabkan sikap terburu-terburu pihak JAIS dalam menyerbu gereja tersebut dan ia dilakukan tanpa sebarang waran. Pihak JAIS juga dipersalahkan kerana sering kali memberi kenyataan yang bercanggah dalam isu ini.

*“Although the manner of the intrusion is not clear, the fact remains that Jais officials entered the premises without a search warrant. Furthermore, any place of worship is holy ground and such lack of respect and sensitivity does not augur well for the nation. It smacks of over-zealousness” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Walaupun cara pencerobohan tersebut tidak jelas, hakikatnya pegawai Jais memasuki premis tersebut tanpa waran geledah. Tambahan pula, mana-mana tempat ibadat adalah tanah

suci dan tindakan yang kurang hormat dan kurangnya sensitiviti tersebut bukanlah ramalan yang baik untuk negara. Ia jelas merujuk kepada perbuatan yang keterlaluan” (*The Star*, 7 Ogos, 2011).

*“As it turns out, the JAIS operation on Damansara Utama Methodist Church was a grotesque showcase of self-contradictions by the perpetrators. They claimed they had evidence of unlawful proselytising to Muslims, but we know the occasion was a fundraising event for HIV support activities”* (*The Star*, 7 Ogos, 2011).

**Terjemahan:** “Ternyata, operasi JAIS ke atas Gereja Damansara Utama Methodist jelas memperlihatkan percanggahan oleh si pelaku. Mereka mendakwa bahawa mereka mempunyai bukti murtad yang menyalahi undang-undang terhadap orang Islam, tetapi kita tahu majlis itu adalah satu majlis mengumpul dana untuk aktiviti sokongan HIV” (*The Star*, 7 Ogos, 2011).

Dari aspek konflik politik pula, penyebab masalah utama yang diketengahkan oleh akhbar *The Star* adalah konflik yang berlaku dalam parti PAS itu sendiri yang dikatakan tidak bersatu dalam mengeluarkan pendirian mengenai isu ini yang membabitkan Datuk Dr. Hassan Ali yang menyokong tindakan JAIS tersebut manakala Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad yang menentang tindakan JAIS tersebut.

PAS juga dipersalahkan kerana tidak mahu mengambil tindakan terhadap Hassan Ali yang mengetui operasi tersebut demi untuk menjaga hati sesetengah ahlinya yang masih bersama perjuangan Hassan Ali. PAS juga dilihat cuba untuk memenangi hati pengundi bukan Islam yang terang-terangan tidak menyokong operasi JAIS ini.

*“The former’s divided approach – with Selangor exco Hassan Ali supporting the raid and Shah Alam MP Khalid Samad condemning it – indicates that the Islamist party’s much-vaunted move to the centre has not been as smooth as their insiders wish us to believe”* (*The Star*, 9 Ogos, 2011).

**Terjemahan:** “Pendekatan yang bercanggah diambil oleh PAS - dengan exco Selangor, Hassan Ali menyokong serbuan tersebut manakala MP Shah Alam Khalid Samad mengutuk serbuan tersebut - menunjukkan bahawa langkah dilaung-laung oleh parti Islam tersebut (komitmen PAS terhadap pluralisme) tidaklah selicin seperti orang-orang dalaman (ahli-ahli dalam PAS) mereka harap kita untuk percaya” (*The Star*, 9 Ogos, 2011).

*“PAS want to get mileage from the incident, keep its more conservative members happy that it is not seen as going after Dr Hassan and at the same time win over the non-Muslim voters that*

*it need if it is to win in the many mixed constituencies its candidates hope to contest” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “PAS ingin mendapat pulangan yang berbaloi daripada insiden tersebut, dengan memastikan ahli konservatifnya gembira kerana ia tidak dilihat menentang Dr Hassan dan pada masa yang sama cuba memenangi pengundi-pengundi bukan Islam jika ingin memenangi di konstitusi-konstitusi yang mempunyai bangsa yang pelbagai di mana calon-calonnya berharap untuk bertanding (di pilihan raya akan datang)” (The Star, 9 Ogos, 2011).

Dari sudut membuat keputusan moral, dapatan kajian menunjukkan akhbar The Star menyatakan kes operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini tidak sepatutnya diterima dan dibiarkan oleh mana-mana rakyat Malaysia dan isu khalayak yang serius seperti ini wajib diberikan komen yang adil kepada kedua-dua belah pihak.

Pihak JAIS juga dikatakan sepatutnya mengambil tindakan yang lebih berhemah dan bersifat toleransi dalam berurusan dengan penganut-penganut agama lain. The Star juga dalam artikelnya menyatakan tindakan operasi JAIS ini sepatutnya dapat dielak jika masyarakat peka dengan sensitiviti agama yang ada di negara ini dan saling memahami agama masing-masing.

*“This unwarranted and deplorable raid can be neither accepted nor tolerated by Malaysian society. It is a serious public interest issue for which fair comment is not only expected but obligatory” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Seruan yang tidak wajar dan amat dikesali ini tidak boleh diterima dan ditoleransi oleh masyarakat Malaysia. Ia adalah isu kepentingan awam yang serius di mana komen yang adil bukan sahaja dijangka tetapi adalah satu kewajiban” (The Star, 7 Ogos, 2011).

*“The Jais officials could have exercised restraint by waiting for the function to be over and then politely informing the church pastor of the complaint and the need for them to interview the Muslim guests present. No one, I believe, was going to run away” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Pegawai-pegawai Jais sepatutnya menjalankan pengekangan kepada majlis tersebut dengan menunggu sehingga acara tersebut berakhir dan kemudian memaklumkan kepada paderi gereja mengenai aduan tersebut dengan sopan dan memaklumkan bahawa mereka perlu menemubual tetamu beragama Islam yang hadir. Tiada sesiapa, saya percaya, akan melarikan diri” (The Star, 7 Ogos, 2011).

*“...I would like to share my experience with fellow Christians*

*and encourage them to exercise both wisdom and restraint when planning and organising activities involve Muslims, even if we feel there's "nothing wrong with it" (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Saya ingin berkongsi pengalaman saya dengan rakan yang beragama Kristian dan menggalakkan mereka untuk melaksanakan kedua-dua kebijaksanaan dan batasan apabila merancang dan mengorganisasi aktiviti yang melibatkan umat Islam, walaupun kita merasakan “tiada apa-apa yang salah dengan sesuatu aktiviti itu” (The Star, 7 Ogos, 2011).

Dari aspek konflik politik pula, dalam membuat keputusan moral, dapatan kajian menunjukkan akhbar The Star menyatakan PAS masih gagal untuk menjadi sebuah parti yang lebih liberal dalam perjuangannya memandangkan parti tersebut masih gagal untuk mengambil sebarang tindakan terhadap Hassan Ali yang mengetuai operasi tersebut.

The Star juga menyatakan tindakan PAS yang tidak mahu mengambil sebarang tindakan terhadap Hassan Ali menunjukkan parti itu sebenarnya cuba mengambil jalan selamat dengan cuba memenangi hati dua belah pihak iaitu pihak konservatif dalam parti PAS itu sendiri dan memenangi hati pengundi-pengundi rakyat Malaysia yang berfikiran sederhana. Perkara ini jelas menunjukkan begitu rumitnya wacana politik masyarakat Malaysia masa kini.

*“Despite this and many past transgressions, PAS has been unable to act against Dr. Hassan, who represents the fundamentalist core that some current top leaders are seeking to bury from the public eye” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Walaupun kes ini dan kes-kes pelanggaran undang-undang yang lalu, PAS telah gagal mengambil tindakan terhadap Dr Hassan, yang mewakili golongan fundamentalis di mana beberapa pemimpin tertinggi PAS kini sedang cuba untuk melenyapkannya dari tumpuan awam” (The Star, 9 Ogos, 2011).

*“The new leaders want to be seen as accepted but every so often problems like last week’s JAIS raid crop up and gives the lie to PAS as a liberal and accommodative’ party” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Para pemimpin baru mahu dilihat sebagai diterima oleh semua tetapi sering sekali masalah seperti serbuan oleh JAIS pada minggu lalu timbul dan membuktikan ia hanyalah retorik semata-mata bahawa PAS sebagai parti yang ‘liberal dan akomodatif’” (The Star, 9 Ogos, 2011).

Bagi saranan penyelesaian masalah, dapatan kajian menunjukkan akhbar The Star banyak mengajak masyarakat untuk memupuk sifat toleransi dalam diri masing-masing, hormat menghormati dan sentiasa berhikmah dalam mengambil sebarang tindakan. Akhbar The Star juga didapati mencadangkan agar kes ini

diselesaikan dengan seadil-adilnya dengan menubuhkan sebuah Suruhanjaya bebas.

*“As tolerant Malaysians, Christians must realise several important truths with regards to Islam. I learnt from an Islamic scholar from the Institute for Islamic Understanding Malaysia that we should never act in words or deeds that may render a Muslim as ‘melanggar aqidah’ (going against his faith) among his fellow brethren” (The Star, 7 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Sebagai rakyat Malaysia yang bertolak ansur, pengikut Kristian perlu sedar mengenai beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Islam. Saya belajar dari seorang sarjana Islam dari Institut Kefahaman Islam Malaysia bahawa kita tidak patut bertindak dalam bentuk kata-kata atau perbuatan yang boleh dianggap oleh seorang Muslim sebagai ‘melanggar aqidah’ dalam kalangan saudara mereka” (The Star, 30 Ogos, 2011).

*“We may urge an independent commission to be set up to conduct a fairer investigation. If this takes place, all parties must extend their utmost cooperation and not hide the minutest details of facts and explanation surrounding the ‘raid’” (The Star, 30 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Kita boleh menggesa supaya satu suruhanjaya bebas ditubuhkan untuk menjalankan siasatan yang lebih adil. Jika ini berlaku, semua pihak perlu memberi kerjasama penuh dan tidak menyembunyikan fakta terperinci dan penjelasan mengenai ‘serbuan’ tersebut” (The Star, 30 Ogos, 2011).

Dari aspek konflik politik pula, dapatan kajian menunjukkan akhbar The Star mencadangkan agar parti PAS berganjak dan berubah menjadi parti yang lebih progresif dan demokratik dalam perjuangannya dan jika benar-benar parti PAS ingin memperjuangkan “negara berkebajikan” dan “Islam untuk semua” seperti yang diwawarkan sebelum ini, maka parti itu perlu menjauhkan dirinya dari mengambil tindakan yang keras seperti operasi JAIS ke atas DUMC tersebut.

*“They need a progressive, democratic and secular party that is based on the rule of law. That’s exactly why PAS is not the answer but the problem for Pakatan Rakyat” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “Mereka (rakyat) perlukan sebuah parti yang progresif, demokratik dan sekular yang berdasarkan kedaulatan undang-undang. Itulah mengapa PAS bukan jawapannya tetapi masalah bagi Pakatan Rakyat” (The Star, 9 Ogos, 2011).

*“PAS needs to decide, and very quickly at that, which of the vastly different political visions these men embody it wants for itself. If it is serious about its push to the centre, and of championing a welfare state” with “Islam for all”, then it cannot countenance*

*such heavy-handed actions or rhetoric as per the DUMC raid wherever or whenever it occurs” (The Star, 9 Ogos, 2011).*

**Terjemahan:** “PAS perlu membuat keputusan dengan pantas, visi politik yang bagaimana mereka mahu memperlihatkan diri mereka. Jika mereka serius untuk mengenangkan komitmen mereka (menjadi sebuah parti yang lebih liberal dan pluralisme), dan memperjuangkan “negara kebaikan” seiring dengan “Islam untuk semua”, maka ia tidak boleh ditangani dengan penindasan atau retorik seperti serbuan terhadap DUMC ini walau apapun alasannya” (The Star, 9 Ogos, 2011).

Secara kesimpulannya, pembingkaian akhbar The Star mengikut empat fungsi seperti yang diperkenalkan oleh Entman (1993) adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 2: Rumusan dapatan kajian pembingkaian akhbar The Star mengenai isu operasi JAIS terhadap Gereja DUMC**

Perangkat pembingkaian	Keterangan
Define problems (Pendefinisan masalah)	Permasalahan etika moral dan konflik politik dalam antara parti gabungan dalam PR.
Diagnose causes (Mengenal pasti masalah atau sumber masalah)	Sikap terburu-buru JAIS dan melakukan serbuan tanpa waran; konflik dalaman dalam parti PAS dan PR.
Make moral judgment (membuat keputusan moral)	Tindakan operasi JAIS tersebut adalah tidak wajar; PAS gagal menjadi parti yang lebih liberal dan demokratik dan menjadi masalah kepada PR.
Treatment recommendation (saranan penyelesaian masalah)	Masyarakat diseru untuk memupuk sifat toleransi dalam diri masing-masing, hormat menghormati dan sentiasa berhikmah dalam mengambil sebarang tindakan; gesaan untuk menubuhkan Suruhanjaya bebas; PAS perlu bersifat lebih progresif dan demokratik dalam perjuangan.

## **PEMBINGKAIAN BERITA AKHBAR UTUSAN MALAYSIA**

Setelah diteliti satu persatu dapatan kajian yang terkumpul, dapat dirumuskan bahawa akhbar Utusan Malaysia membingkai isu operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini dari dua aspek permasalahan iaitu konflik politik dan aspek perlembagaan. Berbeza dengan akhbar The Star yang lebih membingkai isu ini dari aspek konflik politik dalaman yang berlaku dalam PR sahaja, namun akhbar Utusan Malaysia membingkai isu ini dengan lebih luas dan mendalam dengan membabitkan juga konflik antara parti PAS dan UMNO.

Dari aspek konflik politik, dapatan kajian menunjukkan begitu jelas akhbar

Utusan Malaysia cuba membingkai parti PAS dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai gagal dalam memperjuangkan akidah umat Islam lebih-lebih lagi dalam isu ini yang melibatkan cubaan untuk memurtadkan umat Islam hanya demi kepentingan politik.

Parti PAS dan Khalid Ibrahim dikatakan gagal memberi sokongan kepada ahli veterannya yang juga memegang portfolio Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Dr. Hassan Ali yang mengetuai dan menyokong operasi tersebut malah Ketua Pemuda PAS, Nasrudin Hassan juga dikecam kerana memberi sokongan kepada operasi tersebut.

Maka, jalan paling mudah yang dipilih adalah dengan menyalahkan pihak JAIS dalam isu ini. Petikan-petikan berikut menunjukkan permasalahan yang dibingkaikan oleh akhbar Utusan Malaysia tersebut:

*“Sebenarnya kita tidak perlu terkejut apabila Ketua Pemuda Pas, Nasrudin Hassan meluahkan perasaan setelah menjadi mangsa kecaman berikutan pendirian tegasnya dalam isu gereja di Damansara Utama, Petaling Jaya. Kita percaya kecaman bukan sahaja datang daripada pihak di luar PAS malahan di dalam parti sendiri Nasrudin menjadi sasaran dan segalanya kerana kepentingan politik mengatasi segala-galanya” (Utusan Malaysia, 15 Ogos, 2011).*

*“Apa nak jadi kepada umat Islam hari ini, kalau mereka yang mengaku memperjuangkan Islam, akhirnya menjadi pengkhianat kepada agama sendiri?” (Utusan Malaysia, 14 Ogos, 2011).*

*“Dalam hal ini, Jais dan Dr. Hasan tidak wajar menjadi sasaran kritikan semberono termasuk dari kalangan PKR dan sebahagian pemimpin PAS. Ini bukan soal perkiraan menjaga undi penganut agama lain. Ini soal lebih besar iaitu menghormati kesucian Islam, sebagaimana juga kita menghormati agama lain. Agama Islam bukan dagangan” (Utusan Malaysia, 7 Ogos, 2011).*

Dari aspek perlembagaan pula, akhbar Utusan Malaysia jelas mempersoalkan tindakan Gereja DUMC yang didakwa cuba untuk memurtadkan umat Islam di gereja tersebut kerana tidak patuh kepada peruntukan yang telah sedia ada dalam Perlembagaan Malaysia yang melarang sebarang aktiviti penyebaran agama lain kepada umat Islam. Umat Islam juga dikatakan tidak boleh bergantung kepada undang-undang yang sedia ada semata-mata dalam mempertahankan akidah mereka.

*“Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Islam adalah “agama bagi Persekutuan” dan Perkara 11 (4) yang melarang agama lain disebarluaskan kepada penganut Islam. Ia sekali gus menimbulkan persoalan mengenai kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Kontroversi terbaru ini juga boleh*

*menjejaskan keharmonian masyarakat kerana ia termasuk perkara sensitif yang boleh menjejaskan hubungan kaum di negara ini” (Utusan Malaysia, 18 Ogos, 2011).*

*“Sedar atau tidak umat Islam tidak lagi boleh selama-lamanya terlalu bergantung kepada perlindungan atau papahan undang-undang untuk mempertahankan mereka. Tanpa menidakkannya keperluan kita memartabatkan dan meletakkan undang-undang negara pada tempat yang tinggi, kadang-kadang pergantungan yang keterlaluan pada perlindungan itu akan menyebabkan umat Islam dan bangsa Melayu kelihatannya menjadi umat yang begitu lemah dan tidak bermaya” (Utusan Malaysia, 13 Ogos, 2011).*

Dari sudut penyebab masalah, akhbar Utusan Malaysia menjadikan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai punca utama dalam permasalahan kes ini. Pertama, tindakan beliau yang terburu-buru dalam memohon maaf kepada pihak Gereja DUMC walaupun pihak JAIS belum mendedahkan laporan sebenar mengenai insiden tersebut.

Kedua, Khalid juga terlibat dalam kontroversi apabila menyatakan pihak kerajaan negeri akan menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Syura untuk menyelesaikan kes ini yang telah diperkenankan oleh Sultan Selangor namun perkara ini adalah tidak benar selepas wakil Sultan Selangor sendiri menolak kenyataan tersebut. Khalid juga didakwa sebagai boneka DAP dan dikecam kerana sanggup mempertahankan pihak gereja walaupun beragama Islam.

*“Hamba lazimnya mengelakkan diri daripada menyebut nama, tetapi kali ini keperluan mendesak demi kebenaran. Maka izinkan hamba menyebut nama Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad yang menjadi sasaran utama perhimpunan anti-murtad dan menyokong tindakan JAIS itu. Dalam mencari pengaruh untuk mendapatkan undi pilihan raya, masyarakat Islam yang berpecah belah telah merelakan diri mereka bersahabat karib dan tunduk kepada tuntutan bukan Islam, khususnya orang-orang Kristian” (Utusan Malaysia, 14 Ogos, 2011).*

*“Agak terkeliru dan mendukacitakan Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam keadaan yang tergesa-gesa meminta ampun dan maaf kepada pihak gereja di atas serbuan yang dilakukan oleh pihak JAIS tanpa mengetahui akan perkara sebenar di sebalik kejadian tersebut” (Utusan Malaysia, 9 Ogos, 2011).*

*“Beliau mendakwa majlis syura itu dicadangkan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Bagaimanapun, ternyata perkara itu bercanggah dengan fakta sebenarnya kerana penubuhan majlis itu tidak pernah diperkenankan oleh*

*baginda. Apa yang dikesalkan ialah apabila Menteri Besar dilihat mempergunakan kedudukan sultan untuk menyatakan sesuatu keputusan bagi pihaknya” (Utusan Malaysia, 2 September, 2011).*

Parti PAS juga dikatakan kalah dengan tuntutan rakan partinya iaitu Democratic Action Party (DAP) dalam memperjuangkan akidah umat Islam lebih-lebih lagi dalam isu ini. Parti PAS gagal dalam menyatakan pendirian yang jelas mengenai isu ini sehingga Ketua Pemuda PAS, Nasrudin Hassan terpaksa mendesak parti tersebut mengeluarkan pendirian rasmi mengenai isu tersebut.

Tidak ketinggalan juga, tindakan PAS yang menuduh parti UMNO sebagai dalang kepada isu tersebut telah mengundang kepada konflik yang berlaku dalam isu ini seolah-olah untuk menutup kelemahan parti tersebut dalam menangani isu ini. Keengganan parti PAS untuk bersatu dengan UMNO juga dikatakan punca berlakunya kes ini akibat daripada umat Islam tidak bersatu.

*“Seolah-olah kiblat golongan tersebut adalah DAP, junjungan besar mereka adalah Lim Kit Siang dan agama mereka adalah pluralisme. Pendekatan mereka memudaratkan Islam dan lebih bahaya berbanding pemimpin-pemimpin ajaran sesat seperti Ayah Pin” (Utusan Malaysia, 14 Ogos, 2011).*

*“Kita hendak tahu atas dasar apa mereka tuduh UMNO. Setiausaha Agung Pas (Mustafa Ali) menuduh perkara itu didalangi oleh UMNO kerana mahu menjatuhkan imej Pas dan hendak melagakan Pas di Selangor, apa dia ingat UMNO ini tidak ada kerja lainkah. Salah satu sebab tertubuhnya UMNO adalah kerana mahu mempertahankan Islam, kita tidak mahu pandangan akidah umat Islam dipesongkan. Sekarang ini pun kita tengok banyak yang menular” (Utusan Malaysia, 19 Ogos, 2011).*

*“Pas perlu menyedari akibat tolakan ke arah perdamaian yang dihulurkan UMNO mengakibatkan musuh-musuh Islam bertambah berani menuntut pelbagai tuntutan yang sebelum ini jarang kedengaran, terutama kemuncaknya dalam isu kalimah Allah” (Utusan Malaysia, 10 Ogos, 2011).*

Dari aspek perlombagaan, tindakan pihak Gereja DUMC ini yang tidak menghormati peruntukan yang terdapat dalam Perlombagaan Malaysia menjadi punca utama permasalahan ini. Tindakan pihak gereja tersebut yang begitu berani mencabar kedaulatan agama Islam juga dikatakan punca kepada masalah dalam isu ini.

*“Semua peruntukan tersebut sudah jelas dan sejak awal Perlombagaan Persekutuan dirangka semua kaum telah sepakat menerima peruntukan itu. Malangnya ada kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan agama yang menunjukkan kedegilan mereka yang seolah-olah mahu mencabar Perkara 11(4)” (Utusan Malaysia, 18 Ogos, 2011).*

*“Jika benarlah ia berlaku, bagaimana dengan kontrak sosial dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan Perlembagaan mengenai agama Islam yang telah dipersetujui oleh semua pihak?” (Utusan Malaysia, 9 Ogos, 2011).*

*“Gerakan memurtadkan umat Islam telah lama berlaku. Apa yang penting bukannya angka, tetapi percubaan dan keberanian mencabar kedaulatan agama Islam. Kita tahu, tetapi buat-buat tidak tahu” (Utusan Malaysia, 17 Oktober, 2011).*

Dari sudut membuat keputusan moral, dapatan kajian menunjukkan akhbar Utusan Malaysia menyatakan tindakan JAIS ini adalah satu tindakan yang wajar dan berlandaskan prinsip dan tanggungjawabnya serta Datuk Dr. Hassan Ali juga wajib disokong oleh semua pihak dan diberi ruang untuk melakukan kerja mereka.

Keberanian Dr. Hassan Ali dalam mempertahankan akidah umat Islam dipuji dan perlu dicontohi oleh pemimpin-pemimpin lain. Pemimpin-pemimpin pembangkang juga diingatkan dalam berpolitik perlu ada hadnya jangan sampai agama digadaikan malah kerjasama PAS dan DAP ini dikatakan tidak mendatangkan keuntungan kepada perjuangan Islam.

*“Hakikatnya, tindakan JAIS ke atas Gereja Methodist Damansara Utama di Petaling Jaya itu berlandaskan kepada prinsip dan tanggungjawab agensi penguatkuasaan itu untuk mempertahankan akidah umat Islam serta kesucian agama ini. Akidah bukan bahan dagangan politik, ia tidak boleh dijual beli” (Utusan Malaysia, 11 Oktober, 2011).*

*“Sebelum ini, Pas memberi alasan berkawan dengan DAP kerana ingin berdakwah dan memperkenalkan Islam kepada pemimpin DAP seterusnya mengislamkan mereka dalam masa terdekat. Soalnya Pemimpin DAP mana yang sudah masuk Islam sejak Pas mula menjalin hubungan politik dengan DAP?” (Utusan Malaysia, 8 Ogos, 2011).*

*“Sedih bila orang kita sendiri yang menjadi jaguh penentang kerja murni Hasan Ali ini... Mengapa mahu dikorbankan undang-undang hanya kerana undi? Hinanya Islam yang dipelihara, yang lebih hina apabila penganutnya sendiri yang menafikan hak Islam itu” (Utusan Malaysia, 12 Ogos, 2011).*

*“Demi untuk meraih undi, kepentingan puak dan parti politik Pas sanggup merugikan kepentingan sendiri, bahkan menjual agama. Lalu kita balik bertanya kepada Pas, apakah tolakan mereka supaya berdamai dan bersatu oleh UMNO, padahal ini sangat diperintahkan oleh Islam, dalam masa yang sama lebih rela bersekongkol dengan pihak yang jelas-jelas ekstrem, iaitu DAP” (Utusan Malaysia, 10 Ogos, 2011).*

Dari aspek perlembagaan pula, akhbar Utusan Malaysia menyatakan pihak kerajaan negeri Selangor telah gagal dalam menangani isu ini mengikut semangat perlembagaan malah Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim dikatakan terlalu mengikut arahan dari pemimpin-pemimpin DAP. Malah politik parti pembangkang tidak menghormati perjanjian lama yang membawa kepada terbentuknya Perlembagaan Malaysia.

Tambahan lagi, peruntukan dalam Perkara 11 (4) sepatutnya dilihat bukan sahaja sebagai larangan kepada penganut agama lain menyebarkan agama lain tetapi perlu juga dilihat sebagai peruntukan yang bertujuan membendung gejala murtad dalam kalangan umat Islam dan menjadi tanggungjawab agensi atau jabatan agama untuk menyiasat dan bertindak ke atas mana-mana pihak yang cuba melanggar peruntukan ini.

*“Dalam isu JAIS, ternyata kerajaan campuran pembangkang di Selangor gagal menanganinya mengikut semangat perlembagaan negara. Maka jelas, Menteri Besar Selangor, Khalid Ibrahim untuk kesekian kalinya, gagal menjaga kepentingan umat Islam. Dia hanya mengikut telunjuk pemimpin-pemimpin DAP. Dayus sekali”* (Utusan Malaysia, 14 Ogos, 2011).

*“Inilah masalahnya politik pembangkang yang tidak menghormati perjanjian lama yang membawa kepada terbentuknya Perlembagaan Negara. Benda ini bukan suka-suka buat, atas sebab musabab dan peristiwa sehingga membawa kepada penubuhannya.”* (Utusan Malaysia, 12 Ogos, 2011).

*“Peruntukan 11 (4) harus dilihat bukan sahaja sebagai larangan kepada penganut agama lain menyebarkan ajaran mereka kepada umat Islam tetapi ia juga meski dilihat sebagai peruntukan yang bertujuan membendung gejala murtad di kalangan umat Islam di negara ini”* (Utusan Malaysia, 18 Ogos, 2011).

Akhir sekali, bagi saranan penyelesaian masalah, dapatan kajian menunjukkan rata-rata laporan akhbar Utusan Malaysia mengajak masyarakat Islam Melayu untuk bersatu walau apa jua ideologi politiknya dalam memperjuangkan akidah umat Islam. Imej serta autoriti JAIS juga perlu dipulihkan selepas tercalar imejnya susulan dari isu yang kontroversi ini.

Akhbar Utusan Malaysia juga menyeru masyarakat untuk menentang mana-mana ahli politik yang cuba menggadaikan agama semata-mata demi kepentingan politik. Masyarakat juga diminta untuk menyelesaikan kes ini dengan penuh berhemah dan sederhana. Selain itu juga, masyarakat bukan Islam diminta untuk menghormati dan mematuhi agama Islam seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

*“Imej JAIS pula harus dipulihkan sebagai autoriti yang boleh melaksanakan peranananya berdasarkan kuasa yang diperuntukkan. Penguat kuasa agama Islam ini harus terus dibenarkan bekerja*

*agar kewujudannya dapat dirasai, agar orang tahu ia memang wujud” (Utusan Malaysia, 16 Ogos, 2011).*

*“Jika ada mana-mana pemimpin Islam yang cuba bersekongkol atau berlembut dengan puak yang mahu merosakkan akidah umat Islam ini, mereka ini harus ditolak habis-habisan, apatah lagi pemimpin yang kononnya mendakwa mereka memperjuangkan Islam” (Utusan Malaysia, 15 Ogos, 2011).*

*“Jika orang bukan Islam mahu umat Islam menghormati amalan agama mereka maka mereka juga harus menghormati dan mematuhi agama Islam, khusus Perkara 3 dan Perkara 11 (4) yang terkandung di dalam perlembagaan negara. Mereka seharusnya berasa bersyukur kerana Malaysia adalah di antara negara yang memberikan kebebasan agama kepada orang bukan Islam” (Utusan Malaysia, 18 Ogos, 2011).*

*“Jika ada pun perbalahan dan pertelingkahan, ia diselesaikan dengan cara baik. Selagi bukan Islam menghormati dan tidak mengkhianati Islam, selagi itulah keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara dapat dipertahankan” (Utusan Malaysia, 12 Ogos, 2011).*

Secara kesimpulannya, pembingkaian akhbar Utusan Malaysia mengikut empat fungsi seperti yang diperkenalkan oleh Entman (1993) adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 3: Rumusan dapatan kajian pembingkaian akhbar Utusan Malaysia mengenai isu operasi JAIS terhadap Gereja DUMC**

Perangkat pembingkaian	Keterangan
Define problems (Pendefinisian masalah)	Permasalahan konflik politik dan perlembagaan.
Diagnose causes (Mengenal pasti masalah atau sumber masalah)	Konflik politik antara parti PAS, UMNO dan pemimpin-pemimpin pembangkang seperti Datuk Dr. Hassan Ali, Tan Sri Khalid Ibrahim dan Khalid Samad; pihak Gereja DUMC tidak hormat kepada peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan.
Make moral judgment (membuat keputusan moral)	Tindakan JAIS adalah wajar dan mengikut tanggungjawab dan kuasa yang ada; Hassan Ali dipuji dan perlu dicontohi kerana keberaniannya; kerajaan negeri Selangor dan parti pembangkang gagal menghayati semangat perlembagaan dalam isu ini.

Treatment recommendation  
(saranan penyelesaian masalah)

Masyarakat Islam Melayu perlu bersatu; imej serta autoriti JAIS perlu dipulihkan; menentang mana-mana ahli politik yang cuba menggadaikan agama; menyelesaikan kes ini dengan berhemah; masyarakat bukan Islam diminta untuk menghormati dan mematuhi agama Islam.

---

## PERBINCANGAN

Pembingkaian menurut Entman (1993:52) melibatkan pilihan dan penonjolan mengenai sesuatu perkara. Dengan mempromosikan bingkai yang tertentu dalam sebuah pemberitaan, media mampu mengubah persepsi khalayak terhadap sesuatu isu dan menukar pendapat khalayak dengan secara sedar memilih untuk membuat liputan kepada sebelah pihak sahaja atau kedua-dua belah pihak dalam sesuatu isu, menterjemahkan, mempermudahkan, atau memberikan liputan yang lebih kepada sesuatu isu (Callaghan dan Schnell, 2001).

Menurut Entman (1991) pula, bingkai-bingkai terletak dalam sifat-sifat tertentu dalam penceritaan sesebuah berita yang menggalakkan khalayak untuk memikirkan kejadian yang dilaporkan seterusnya membina pemahaman tersendiri mengenai kejadian tersebut yang mampu mendatangkan kesan dan pengaruh kepada sesebuah penceritaan.

Oleh itu, dari sudut pembingkaian media mengenai isu kontroversi operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini, dapatan kajian menunjukkan kedua-dua akhbar nampaknya cuba menonjolkan dan mempromosikan bingkai konflik politik dalam pelaporannya. Kedua-dua akhbar jelas cuba menampilkan kepincangan yang berlaku antara parti dalam PR dalam mengendalikan isu yang kontroversi ini.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Mohd Hilmi (2012) yang menyatakan akhbar-akhbar perdana di Malaysia banyak menumpukan pemberitaan mereka dari sudut politik. Menurut Hilmi juga, paparan berita mengenai tema politik seringkali mendapat perhatian untuk diberi liputan oleh wartawan dan seterusnya dipaparkan di dada akhbar lebih-lebih lagi ketika isu ini dilaporkan, begitu banyak spekulasi yang timbul bahawa pilihanraya umum yang ke-13 akan tiba bila-bila masa sahaja. Oleh itu, isu ini cuba dijadikan sebagai modal untuk khalayak membincangkannya dan seterusnya memikirkan masa hadapan mereka pada pilihanraya kelak.

Tambahan lagi, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Yang dan Md Sidin (2011) dan Yang dan Md Sidin (2012) yang menyatakan dalam melaporkan mengenai isu kontroversi agama dan bangsa, kebanyakan isu-isu yang dilaporkan oleh akhbar di Malaysia telah dipolitikkan oleh pihak tertentu. Syed Husin (2008) juga menyatakan struktur dan proses politik di Malaysia masih lagi berdasarkan kepada etnik secara semulajadinya dan beliau mengkritik segolongan ahli politik yang gemar mencetuskan isu-isu etnik demi kepentingan mereka sendiri.

Dalam kajian ini, kedua-dua akhbar nampaknya cuba menyalahkan parti PAS sebagai parti yang berideologikan Islam dalam mengendalikan kes ini. Parti PAS dikatakan cuba mengambil jalan selamat dengan mendiamkan diri mengenai kes ini demi memenangi hati pengundi bukan Islam malah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim juga dibidas kerana dilihat begitu lemah dalam membuat keputusan mengenai isu lebih-lebih lagi kerajaan negeri Selangor yang dilanda pelbagai kontroversi sebelum isu ini berlaku.

Sesuatu yang perlu dinyatakan juga, dari sudut politik, walaupun kedua-dua akhbar lebih jelas cuba menyerang parti PAS dalam isu ini, perbezaan dapat dilihat apabila akhbar Utusan Malaysia lebih banyak menyerang parti PAS dengan mengaitkan PAS sebagai parti yang tunduk kepada parti DAP berbanding akhbar The Star yang hanya mengkritik parti PAS secara umum tanpa mengaitkan parti tersebut dengan parti DAP.

Hasil dapatan kajian ini menyokong pendapat kajian daripada Abu Hassan (2009), iaitu sifat sesuatu berita dalam media tradisi khususnya akhbar di Malaysia sangat berpihak dan hanya bersifat satu sisi. Akhbar-akhbar perdana di Malaysia hanya akan melihat kepada sisi parti memerintah iaitu BN dan memaparkan berita tentang kebaikan parti memerintah dan mengkritik atau mencari kelemahan parti yang menentang, iaitu Pakatan Rakyat dan samalah juga akhbar-akhbar alternatif yang hanya akan mencari kelemahan BN.

Sesuatu yang perlu dibincangkan juga adalah selain bingkai konflik politik yang menunjukkan persamaan oleh kedua-dua akhbar, terdapat juga perbezaan bingkai yang digunakan oleh kedua-dua akhbar. Akhbar The Star juga membungkai isu ini dari sudut etika moral manakala akhbar Utusan Malaysia lebih membungkai isu ini dari sudut perlembagaan.

Akhbar The Star dalam isu ini mempersoalkan etika moral oleh pihak JAIS dalam menjalankan operasi apabila sewenang-wenangnya menyerbu Gereja DUMC tersebut tanpa sebarang waran dari pihak berkuasa. Akhbar The Star juga membungkai tindakan yang diambil oleh pihak JAIS tersebut sebagai satu tindakan yang melampau dan tidak bertanggungjawab malah menambahkan lagi konflik yang sedia ada antara kaum dan agama di Malaysia ini lebih-lebih lagi isu murtad yang begitu sensitif di Malaysia.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Yang dan Md Sidin (2011) di mana dalam isu kontroversi Lina Joy, akhbar The Star dilihat mengkritik tindakan mahkamah syariah yang tidak membenarkan permohonan Lina Joy untuk menukar nama agamanya dalam kad pengenalan beliau. Akhbar The Star juga menyiarkan artikel-artikel berita yang mempersoalkan hak kebebasan Lina Joy sebagai rakyat Malaysia untuk menuntut haknya.

Karmini (2013) juga dalam dapatan kajiannya menunjukkan akhbar The Star banyak menyiarkan dalam artikelnya yang mempersoalkan mengenai hak kebebasan pasangan erotik berkонтroversi, Alvin dan Vivian dalam menterjemahkan diri mereka dalam blog walaupun diketahui apa yang dilakukan mereka itu bercanggah dengan adat dan budaya di Malaysia. Samalah juga dalam

kes operasi JAIS terhadap Gereja DUMC ini, akhbar The Star mempersoalkan hak kebebasan masyarakat untuk berkumpul dalam menghadiri majlis yang berunsurkan sokongan dan bukan bertujuan untuk memurtadkan umat Islam.

Dalam pada itu, selain konflik politik, akhbar Utusan Malaysia juga membingkai isu ini dari sudut perlumbagaan. Akhbar Utusan Malaysia cuba mempersoalkan tindakan pihak Gereja DUMC yang dikatakan tidak menghormati dan tidak patuh kepada peruntukan yang terdapat dalam Perlumbagaan Malaysia yang melarang sebarang aktiviti penyebaran agama selain dari agama Islam.

Akhbar Utusan Malaysia juga menyuarakan masalah kebergantungan yang begitu tinggi oleh umat Islam di negara ini kepada peruntukan yang sedia ada dalam Perlumbagaan dan undang-undang negara dalam mempertahankan akidah umat Islam sedangkan peruntukan dan undang-undang tersebut tidak dapat meghalang akidah umat Islam di Malaysia semakin tergugat.

Dapatkan kajian ini juga selari dengan dapatan Yang dan Md Sidin (2012) yang menyatakan akhbar Utusan Malaysia cenderung untuk memainkan isu perlunya bangsa-bangsa lain untuk menghormati dan patuh kepada kontrak sosial dan mempertahankan hak orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlumbagaan Malaysia. Dapatkan kajian ini juga tidaklah sesuatu yang mengejutkan kerana dasar asal Utusan Melayu adalah berjuang untuk bangsa, agama dan tanah air yang dinyatakan dalam keluaran sulung akhbar itu pada 29 Mei 1939 (Mohd Safar, 1996). Maka, apabila berbincang mengenai bangsa, agama dan tanah air, sudah pastilah pelaporan sesuatu akhbar itu tidak dapa lari dari membingkai sesuatu isu tersebut daripada mengaitkannya dengan Perlumbagaan Malaysia yang banyak membincangkan mengenai hak-hak orang Melayu.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kedua-dua akhbar nampaknya mengambil pendekatan yang sama dengan membingkai isu ini lebih dari sudut konflik politik. Kedua-dua akhbar cuba memperkenalkan kelemahan Pakatan Rakyat terutamanya parti PAS yang dilihat gagal untuk memainkan peranannya sebagai sebuah parti Islam yang memperjuangkan Islam dengan erti kata sebenar. Malah parti PAS juga dikatakan membawa masalah kepada Pakatan Rakyat dalam memenangi hati pengundi untuk pilihanraya ke-13.

Namun selain konflik politik, dapatkan kajian menunjukkan kedua-dua akhbar juga membingkai isu ini dari sudut etika moral dan perlumbagaan. Akhbar The Star lebih menyoal tindakan JAIS itu yang dilihat sebagai melampaui batas dan mengambil tindakan yang melulu disebabkan menyerbu Gereja DUMC tersebut tanpa sebarang waran yang sah. Manakala akhbar Utusan Malaysia menyoal tindakan Gereja DUMC tersebut yang dikatakan tidak patuh dan menghormati peruntukan yang terdapat dalam Perlumbagaan negara yang melarang sebarang agama lain disebarluaskan selain agama Islam.

Dapatlah disimpulkan bahawa kedua-dua akhbar menonjolkan berita mengenai isu ini secara berbeza berteraskan pemilikan akhbar tersebut. Ternyata dalam

isu ini, ideologi pemilik akhbar mempengaruhi cara penyampaian sesuatu isu dalam sesuatu akhbar tersebut. Oleh itu, sebagai media yang bertanggungjawab, akhbar-akhbar di negara ini perlulah melaporkan sesuatu yang berkaitan dengan konflik agama dan bangsa dengan bersederhana dan tidak terlalu ekstrim dan perlu memastikan semua pihak yang terlibat dalam sesuatu konflik itu diberi peluang untuk mengeluarkan pendapat mereka walaupun diketahui mempunyai kecenderungan masing-masing.

## **BIODATA**

**Muhammad Raqib Mohd Sofian** Graduated from the School of Communication Universiti Sains Malaysia. His research interest is in media framing and Islamic media. He can be contacted at [raqibsofian@gmail.com](mailto:raqibsofian@gmail.com)

**Adnan Hussein** is a Professor at the School of Communication Universiti Sains Malaysia. He is the Deputy Vice Chancellor, Students Affairs, USM. His research area is journalism and new media. He can be contacted at [dvc\\_stu@usm.my](mailto:dvc_stu@usm.my)

## **RUJUKAN**

- Abdul Yazid Alias (2011, Ogos 5). MB Selangor minta laporan, Utusan Malaysia.
- Abu Hassan Hasbullah (2009, Februari 1). Kajian: 97 peratus rakyat Perak mahu Dun dibubarkan. Harakah daily. Diakses pada 20 Ogos, 2013. Atas talian <http://www.khalifah01.harakahdaily.net>.
- Apa nak jadi kepada umat Islam Malaysia? (2011, Ogos 14). Utusan Malaysia.
- Awang Selamat (2011, Ogos 14). Pas gugat Islam? Utusan Malaysia.
- Aziz Jamaludin Mhd Tahir (2011, Ogos 12). Sederhana selesai kemelut. Utusan Malaysia.
- Azman Anuar (2011, Oktober 11). Waspada, wujud usaha memurtadkan umat Islam di Selangor. Utusan Malaysia.
- Baradan Kuppusamy (2011, Ogos 9). Red faces in Pakatan, The Star.
- Bullock, H. E., Wyche, K. F. & Williams, W. R. (2001). Media images of the poor. *Journal of Social Issues*, 57(2), 229-246.
- Callaghan, K. & Schnell, F. (2001). Assessing the Democratic debate: How the news media frame elite political discourse. *Political Communication*, 18, 183-212.
- Carmen Nge (2012). Melapor tentang ‘Kaum’ dan Etnisiti: Buku Panduan untuk Wartawan Malaysia, Selangor: Centre For Independent Journalism.
- Dafrizal, Faridah Ibrahim & Fauziah Ahmad (2011). Framing of Controversial Caricatures of Prophet Muhammad: A Story of Two Malaysian Mainstream Newspapers, *Jurnal Komunikasi*, Jilid 27(2): 77-95.
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43(4), 51-58.
- Entman, Robert (1991). Framing US Coverage of International News: Contrasts in Narratives of the KAL and Iran Air Incidents, *Journal of Communication* 41(4), page 6-27.
- Eriyanto (2002). Analisis Framing: Konstruksi, Ideologi dan Politik Media, Yogyakarta: LkiS.
- Halimahton S., Hua N.T., & Raman, V. (2006). Covering race and religion: the Moorthy and Nyonya Tahir cases in four Malaysian Newspapers. *Kajian Malaysia*. Vol. XXIV, No.1 & 2, pp.185-201.
- Helmi Mohd Foad (2011, Ogos 24). Akidah pertaruhan politik? Utusan Malaysia.
- Helmi Mohd Foad (2011, September 2). PKR Selangor dan titah sultan. Utusan Malaysia.
- Ikbal Salam (2011, Ogos 13). Di sebalik makna Perlumbagaan. Utusan Malaysia.
- JAIS, murtad dan persoalan undi (2011, Ogos 7). Utusan Malaysia.
- Jamal Lulkhir Jaludin (2011, Ogos 9). Tubuh suruhanjaya siasat isu murtad. Utusan Malaysia.

- Jha, P.K. (2009). Religious Assertion in Malaysia: Constrained or Conflagrated? *Strategic Analysis*, 33:6, 890-902.
- Johana Mohd Taib, Amir Husin Mohd Nor, Muhammad Nazir Alias, Amir Fazlim Yusoff (2010). Peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan jenayah aqidah di Malaysia, dalam Amir Husin Mohd Nor, Amir Fazlim Yusoff, Muhammad Nazir Alias, *Kesalahan Jenayah Aqidah, Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia, Selangor*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karim Raslan (2011, Ogos 9). PAS goes on soul-searching trip, *The Star*.
- Karmini, A. N. (2013). Framing Moral Panic: A Comparative Analysis of the Alvin & Vivien Sex Blog Coverage by *The Star* and *MalaysiaKini*. Artikel ini dibentangkan di persidangan Asian Media Information and Communication, 2013.
- Lukman Ismail (2011, Ogos 12). MB Selangor, Guan Eng dan Malaysiakini. *Utusan Malaysia*.
- Mashitah Ibrahim (2011, Ogos 8). Pas - 'Parti Aloh Sokmo'. *Utusan Malaysia*.
- Mohammad Abdul Nafi (2006). Pemaparan isu ambalat di akhbar arus perdana Indonesia: Studi analisis kandungan kepada akhbar *Kompas* dan *The Jakarta Post*. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Sains dan Kemanusiaan, UKM.
- Mohd Ayop Abd Razid (2011, Ogos 18). Patuhi peruntukan kebebasan beragama. *Utusan Malaysia*.
- Mohd Hilmi Hamzah (2012). Liputan Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh: Analisis Teori Penentuan Agenda dalam Akhbar Arus Perdana dan Alternatif Terpilih. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2011, Oktober 17). Selamatkan akidah umat Islam! *Utusan Malaysia*.
- Mohd Safar Hasim (1996). *Akhbar & Kuasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Pas, murtad dan sumpah Saiful (2011, Ogos 19). *Utusan Malaysia*.
- Riffe, D., Lacy, S., & Fico, F. (2005). *Analysing Media Messages: Using Quantitative Content Analysis in Research*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Sarah Kaur Gill, Yuen Chee Keong, Stef Bolte, Saravanan Ramiah (2012). Ideological Features Of Vocabulary In News Reports Of Malaysia's Medium Of Instruction Change, *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Volume 12(3), Special Section.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, Spring, 93–107.
- Syed Husin Ali (2008). Ethnic relations in Malaysia: Harmony and Conflict. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- The trespass that was not a social call (2011, Ogos 7). *The Star*.
- Thirunavukkarasu Jr. (2011, Ogos 7). Be sensitive to Muslim beliefs. *The Star*.

- Wan Azhar Wan Ahmad (2011, Ogos 30). Let wisdom and reason prevail. The Star.
- Wong Chun Wai (2011, Ogos 7). Let's fight to keep Malaysia moderate. The Star.
- Yang Lai Fong & Md Sidin Ahmad Ishak (2011). Framing Religious Dispute: A Comparative Analysis of the Lina Joy Controversy by Malaysian Newspapers. The Journal of the South East Asia Research Centre for Communication and Humanities. Vol. 3, Issue 2, September, 21-38.
- Yang Lai Fong & Md Sidin Ahmad Ishak (2012). Framing Interethnic Conflict in Malaysia: A Comparative Analysis of Newspaper Coverage on the Hindu Rights Action Force (Hindraf). International Journal of Communication. 6, 166-189.
- Yong Lai Fong & Md Sidin Ahmad Ishak (2010). Covering Religious Conflict in Malaysia: How Sin Chew Daily Framed the Lina Joy Controversy, Malaysian Journal of Media Studies, Vol. 12, No. 2, Pages 11-22.
- Zaini Hassan (2011, Ogos 10). Murtad: Mudah-mudahan kita tidak terus buta perut! Utusan Malaysia.
- Zulkefli Hamzah (2011, Ogos 16). Memilih lorong gelap demi kekuasaan politik. Utusan Malaysia.
- Zulkiflee Bakar (2011, Ogos 15). Antara kuasa dan akidah. Utusan Malaysia
- Zulkifli Jalil & Nazmil Nasiruddin (2011, Ogos 19). Bila ekor bergelumang tahi. Utusan Malaysia.